

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Manakah antara berikut **bukan** pembentukan ejensi secara nyata?
 - A Lisan.
 - B Mandat.
 - C Perjanjian.
 - D Pengesahan.

2. Manakah antara berikut **bukan** pengecualian prinsip *Caveat Emptor*?
 - A Pembeli telah memeriksa barangan sebelum dibeli.
 - B Barangan yang dibeli mestilah daripada jenis yang biasa dibekalkan oleh penjual.
 - C Pembeli mesti buktikan dia bergantung kepada kepakaran dan pertimbangan penjual.
 - D Pembeli telah memberitahu penjual secara nyata atau tersirat maksud atau tujuan barang yang diperlukan.

3. Manakah antara berikut pembentukan ejensi di mana prinsipal dihalang menafikan kewujudan kuasa ejen?
 - A Ejensi secara estoppel.
 - B Ejensi secara keperluan.
 - C Ejensi secara pengesahan.
 - D Ejensi secara perlantikan tersirat.

4. Manakah antara berikut perkara yang **tidak** perlu diletak dalam perjanjian sewa beli?
- A Perihal barangan.
 - B Amaun setiap ansuran.
 - C Tempat pembayaran dibuat.
 - D Butiran penerimaan pemindahan hakmilik.
5. Manakah antara berikut **tidak** dikategorikan sebagai barang di bawah Akta Jualan Barangan 1957?
- A Wang.
 - B Saham.
 - C Rumput yang berada di atas lori.
 - D Ternakan yang berada di ladang.
6. Qila telah menjual keretanya kepada Lela pada harga RM5,000 secara sukarela, walaupun nilai sebenar kereta tersebut adalah RM15,000. Kontrak tersebut sah kerana
- A qila belum dewasa.
 - B balasan dianggap memadai.
 - C qila tidak layak membuat kontrak.
 - D qila berada di dalam keadaan tidak waras semasa membuat kontrak.

7. Menurut seksyen 15(5) Akta Sewa Beli, penyewa mempunyai beberapa pilihan apabila hendak menamatkan sesuatu perjanjian, iaitu
- i) penyewa boleh memperkenalkan pihak ketiga kepada pemilik yang akan membeli barangan tersebut pada harga tunai yang telah dipersetujui.
 - ii) penyewa boleh memperkenalkan pihak ketiga kepada pemilik yang akan membeli barangan tersebut secara ansuran atas amaun yang telah dipersetujui.
 - iii) sekiranya harga barang pada masa dipulangkan kepada pemilik melebihi jumlah yang tertunggak di bawah perjanjian sewa beli, maka pihak penyewa berhak kepada jumlah perbezaan tersebut.
 - iv) sekiranya harga barang pada masa dipulangkan kepada pemilik kurang jumlah yang tertunggak di bawah perjanjian sewa beli, maka pihak pemilik berhak kepada jumlah perbezaan tersebut.
- A** ii dan iv.
B i, iii dan iv.
C i, ii dan iii.
D ii, iii, dan iv.

8. Manakah yang berikut **bukan** perbezaan di antara kontrak sewaan dengan kontrak jualan?
- A Dalam kontrak sewaan, wang yang dibayar adalah nilai sewaan manakala kontrak jualan, wang yang dibayar adalah harga barangan.
 - B Dalam kontrak sewaan, barangan berada dalam pegangan penyewa manakala kontrak jualan, barangan berada dalam pegangan pembeli.
 - C Dalam kontrak sewaan, hak milik barangan berpindah kepada penyewa manakala kontrak jualan, hak milik barangan tidak berpindah kepada pembeli.
 - D Dalam kontrak sewaan, hak milik barangan tidak berpindah kepada penyewa manakala kontrak jualan, hak milik barangan akan berpindah kepada pembeli.
9. Manakah antara berikut **bukan** merupakan instrumen kewangan?
- i) Cek.
 - ii) Novasi.
 - iii) Remitan.
 - iv) Nota janji.
- A i dan ii.
 - B ii dan iii.
 - C i,ii dan iii.
 - D i, ii, iii, dan iv.
10. Ali menghantar surat kepada Najwa, menawarkan untuk menjual bukunya. Pada hari yang sama Najwa mengepos surat, menawarkan untuk membeli buku Ali. Adakah terdapat kontrak di antara mereka?
- A Tidak, kerana tiada balasan.
 - B Tidak, kerana tiada penerimaan di antara mereka.
 - C Ada, kerana kedua-dua bersetuju menjual dan membeli buku.
 - D Ada, kerana Ali dan Najwa mempunyai niat untuk menjadikannya sebagai kontrak di sisi undang-undang.

11. Nina berhasrat menyewa beli set perabot di Chan Furniture. Bagaimanapun, apabila dia ingin menandatangani perjanjian sewa beli, pengurus Chan Furniture enggan, dan menyatakan perjanjian secara lisan adalah memadai. Apakah status perjanjian tersebut?
- A Sah.
 - B Batal.
 - C Boleh batal.
 - D Boleh dikuatkuasakan.
12. Manakah antara berikut **bukan** sebahagian daripada proses perundangan?
- A Bacaan kali ketiga.
 - B Bacaan kali keempat.
 - C Peringkat jawatankuasa.
 - D Kelulusan Yang Dipertuan Agung.
13. Dina bersetuju untuk menjual rumahnya di Anggerik Villa kepada Encik Khalid pada harga RM550,000 atau RM750,000. Tiada tawaran yang sah di dalam situasi ini kerana
- A tawaran tidak pasti.
 - B tawaran tidak diiklankan di dalam surat khabar.
 - C tawaran hanya dibuat kepada individu tertentu.
 - D pembuat tawaran bukan pemilik sebenar rumah tersebut.
14. Suzie membeli roti dari Kedai roti DSD. Semasa memakan roti yang dibeli, dia tergigit batu dan menyebabkan sebatang giginya patah. Terdapat perlanggaran syarat tersirat terhadap
- A jaminan mutu.
 - B kualiti boleh dagang.
 - C kesesuaian bagi maksud.
 - D jualan melalui deskripsi barang hendaklah sama seperti deskripsi.

15. Manakah antara berikut tugas-tugas prinsipal terhadap ejen?
- i) Membenarkan ejen membuat untung rahsia.
 - ii) Melantik satu pihak lain untuk menjalankan tugas yang sama seperti ejen.
 - iii) Membayar komisyen yang dipersetujui kepada ejen selepas tugas ejen selesai.
 - iv) Membayar semula duit perbelanjaan yang dikeluarkan ejen semasa melaksanakan tugasnya.
- A** i dan ii.
B ii dan iii.
C ii dan iv.
D iii dan iv.
16. Encik Tajudin merupakan seorang ejen yang telah menggunakan duitnya sendiri untuk mendapatkan pelanggan bagi pihak prinsipalnya. Dia menuntut komisyen dan duit pendahuluan daripada prinsipal tetapi prinsipalnya enggan membayar. Nasihatkan Encik Tajudin.
- A** Dia boleh menuntut daripada pihak ketiga.
B Dia tidak berhak untuk mendapat kembali wang pendahuluan.
C Dia boleh menolak mana-mana jumlah yang diterimanya bagi pihak prinsipal.
D Dia boleh menggunakan kebijaksanaan munasabah untuk berkomunikasi dengan prinsipalnya.

17. Manakah antara berikut **bukan** perbezaan di antara milikan tunggal dan perkongsian?
- A Milikan tunggal dimiliki oleh seorang individu manakala perkongsian milikan 2 hingga 20 orang.
 - B Modal milikan tunggal adalah melalui simpanan sendiri manakala perkongsian daripada sumbangan rakan kongsi.
 - C Perkongsian ditadbir di bawah Akta Perkongsian manakala milikan tunggal ditadbir di bawah Akta Koperasi Malaysia.
 - D Perkongsian diuruskan oleh kerjasama rakan kongsi manakala milikan tunggal diuruskan oleh pemilik tunggal.
18. Seksyen 7 (a) Akta Kontrak 1950 menyatakan suatu penerimaan mestilah mutlak dan tidak bersyarat. Manakah antara berikut situasi yang menunjukkan keadaan tersebut?
- A Lina menawarkan kepada Mei Mei satu lot tanah miliknya dengan harga RM320,000. Mei Mei bersetuju dengan harga RM200,000.
 - B Lee Man menawarkan kudanya kepada Raj dengan harga RM15,000. Raj bersetuju dengan syarat kuda tersebut diberikan imunisasi terlebih dahulu.
 - C Lofa menawarkan rumahnya kepada Tisha dengan harga RM600,000. Tisha bersetuju dengan harga tersebut dan harapannya rumah tersebut membawa tuah dan dapat didiami sehingga akhir hayatnya.
 - D Kinah menawarkan kudanya yang telah memenangi pertandingan peringkat kebangsaan pada tahun 2011 kepada Amani dengan harga RM55,000. Amani bersetuju sekiranya kuda tersebut masih kuat seperti 15 tahun yang lalu.

19.

Mawi menawarkan RM300 kepada sesiapa yang menjumpai motosikalnya yang hilang.

Pernyataan 1

Berdasarkan Pernyataan 1 di atas, tentukan jenis balasan.

- A Balasan lampau.
 - B Balasan eksekutori.
 - C Balasan mandatori.
 - D Balasan tersempurna.
20. Mahkamah di dalam kes di bawah memutuskan peragaan pisau lipat merupakan suatu bentuk pelawaan tawaran.
- A Fisher lawan Bell.
 - B Harris lawan Nickerson.
 - C Carlill lawan Carbolic Smoke Ball Co.
 - D Coelho lawan Public Services Commission.
21. Fakta di dalam kes dibawah menyatakan mengenai jual beli sebidang tanah berbalaskan 20,000 mata wang Jepun.
- A Re Tan Soh Sim.
 - B Lampleigh lawan Braithwait.
 - C Phang Swee Kin lawan Beh I Hock.
 - D Kepong Prospecting Ltd & Ors lawan Schmidt.

22.

Apabila sesuatu perjanjian itu didapati batal, atau apabila sesuatu kontrak menjadi batal, sesiapa jua yang telah menerima sebarang faedah daripada perjanjian atau kontrak sedemikian, adalah terikat untuk memulangkan atau memberi pampasan untuknya, kepada orang dari siapa ia menerima faedah itu.

Pernyataan 2

Berdasarkan Pernyataan 2 di atas, seksyen yang relevan adalah

- A Seksyen 65 Akta Kontrak 1950.
- B Seksyen 66 Akta Kontrak 1950.
- C Seksyen 67 Akta Kontrak 1950.
- D Seksyen 68 Akta Kontrak 1950.

23.

Gantirugi kecil tetapi plaintif tidak dapat membuktikan kerugian itu.

Pernyataan 3

Berdasarkan Pernyataan 3 di atas, ia berkaitan tentang

- A gantirugi Khas.
 - B quantum Meruit.
 - C gantirugi Nominal.
 - D gantirugi Teladan.
24. Mahkamah di dalam kes di bawah memutuskan walaupun ejen tidak diberi kuasa secara perjanjian nyata untuk menerima deposit, beliau dianggap telah bertindak dalam lingkungan kuasa tersiratnya sebagai ejen dan ianya mengikat tuan punya hotel.
- A Summers lawan Solomon.
 - B LS Harris Trustees lwn Powel.
 - C Surrey County Council lawan Bredero.
 - D Lee Sau Kong lawan Leow Chong Chiang.

25.

Barangan yang disewa beli hendaklah bebas daripada gadaian atau bebanan

Pernyataan 4

Berdasarkan Pernyataan 4 di atas, seksyen yang relevan adalah

- A** Seksyen 7 (1) (a) Akta Sewa Beli 1967.
 - B** Seksyen 7 (1) (b) Akta Sewa Beli 1967.
 - C** Seksyen 7 (1) (c) Akta Sewa Beli 1967.
 - D** Seksyen 7 (1) (d) Akta Sewa Beli 1967.
26. Apakah yang membezakan pengendorsan kosong dengan pengendorsan bersyarat?
- A** Pengendorsan kosong berlaku apabila menyebut nama kepada siapa bil dibayar manakala pengendorsan bersyarat berlaku apabila nama penerima tidak disebut.
 - B** Pengendorsan kosong berlaku apabila bil tidak boleh diniagakan manakala pengendorsan bersyarat berlaku apabila bil boleh diniagakan selanjutnya jika syarat dipenuhi.
 - C** Pengendorsan kosong berlaku apabila nama penerima pindah milik tidak disebut di atas tandatangan penerima manakala pengendorsan bersyarat berlaku apabila bil yang diendors mempunyai syarat.
 - D** Pengendorsan kosong berlaku apabila terdapat arahan kepada siapa bil dibayar manakala pengendorsan bersyarat berlaku apabila pengendors melepaskan sebahagian atau semua hak undang-undangnya.

27. Pak Maon memindah milik rumah kepada anaknya tanpa sebarang balasan. Di bawah undang-undang kontrak, kontrak ini sah disebabkan oleh
- A hutang dibatasi statut.
 - B perjanjian kasih sayang.
 - C tindakan sukarela melampau.
 - D niat untuk mewujudkan hubungan.
28. Zila membeli telefon pintar daripada Hana berharga RM3,000. Selepas beberapa bulan menggunakannya, dia didatangi Reza yang menyatakan telefon itu adalah miliknya yang telah hilang dua bulan lalu. Terdapat perlanggaran waranti tersirat di sini, iaitu
- A milikan aman barangan.
 - B mutu dan kesesuaian bagi maksud.
 - C bebas sebarang gadaian atau bebanan.
 - D barang mestilah mempunyai kualiti boleh dagang.
29. Manakah antara berikut perbezaan di antara undang-undang antarabangsa dengan undang-undang awam?
- A Undang-undang antarabangsa adalah mentadbirkan perhubungan di antara individu dengan negara manakala undang-undang awam mentadbirkan perhubungan di antara individu dengan individu.
 - B Undang-undang antarabangsa adalah mentadbirkan perhubungan di antara individu dengan individu manakala undang-undang awam mentadbirkan perhubungan di antara individu dengan kerajaan.
 - C Undang-undang antarabangsa adalah mentadbirkan perhubungan di antara negara dengan negara manakala undang-undang awam mentadbirkan perhubungan di antara individu dengan negara.
 - D Undang-undang antarabangsa adalah mentadbirkan perhubungan di antara kumpulan tertentu dengan negara manakala undang-undang awam mentadbirkan perhubungan di antara kerajaan negeri dengan persekutuan.

30. Manakah antara berikut perbezaan di antara ejensi secara nyata dengan ejensi secara tersirat?
- A** Ejensi secara nyata berlaku apabila prinsipal bersetuju mengesahkan tindakan ejen yang mulanya tidak sah manakala ejensi secara tersirat berlaku apabila tindakan prinsipal memperkenalkan kepada seorang lain sebagai ejennya.
 - B** Ejensi secara nyata berlaku apabila prinsipal melantik ejen melalui perjanjian atau lisan manakala ejensi secara tersirat berlaku apabila kata-kata atau kelakuan prinsipal menunjukkan orang lain itu mempunyai kuasa untuk melakukan kerja bagi pihaknya.
 - C** Ejensi secara nyata berlaku apabila prinsipal melalui kata-kata atau perbuatan membuatkan pihak ketiga percaya bahawa ejen itu adalah ejennya yang sebenar manakala ejensi secara tersirat berlaku apabila tindakan prinsipal enggan mengesahkan sesuatu perbuatan yang tidak sah.
 - D** Ejensi secara nyata berlaku apabila prinsipal melalui kata-kata atau perbuatan membuatkan pihak ketiga percaya bahawa ejen itu adalah ejennya yang sebenar manakala ejensi secara tersirat berlaku apabila tindakan prinsipal mengesahkan sesuatu perbuatan yang pada asalnya tidak sah.

[30 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan.

SOALAN 1

Tentukan status jual beli barangan di bawah serta kesannya.

- i) Emily membeli kereta daripada Zack dan kemudian mendapati Zack tidak mempunyai hak milik sah terhadap kereta tersebut.
- ii) Pak Malik memesan "laptop" daripada Daniel berpandukan perihalan yang diberikan. Malangnya, barang yang diperolehi Pak Malik tidak bertepatan dengan perihalan yang diberikan oleh Daniel.
- iii) Michelle memesan minyak pembakar atas berjenama "Coalit" daripada Julia. Barang telah dikirimkan tetapi berlaku satu letupan di tempat pembakar api.
- iv) Vivy telah membeli sepasang pakaian yang diperbuat daripada "tweed" daripada Dora. Vivy mengalami gatal kulit walaupun dia telah memberitahu Dora bahawa dia alah kepada bahan tersebut.
- v) Ash membeli kereta daripada Tory. Tanpa pengetahuan Ash, cukai jualan atas kereta tersebut masih belum dijelaskan lagi.

(10 markah)

SOALAN 2

Bezakan di antara perkongsian biasa dengan perkongsian tanggungan terhadap.

(10 Markah)

SOALAN 3

Sumber bertulis ialah sumber utama undang-undang di Malaysia. Ia dikenali sebagai sumber bertulis kerana ia dinyatakan secara spesifik dan melalui proses penggubalan pada peringkat Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Terangkan **lima (5)** sumber bertulis yang terdapat di Malaysia.

(10 Markah)

SOALAN 4

Secara umumnya, sewa beli adalah membeli barangan secara ansuran. Kontrak sewa beli bukanlah kontrak jualan yang harganya dibayar secara ansuran. Ia adalah suatu bentuk penjualan secara kredit dan penyewaan sesuatu barangan.

Huraikan prosedur pembentukan perjanjian sewa beli.

(10 markah)

SOALAN 5

Ada ketikanya pihak-pihak yang berkontrak tidak dapat mematuhi apa yang telah mereka janjikan. Keadaan ini akan menimbulkan kesusahan dan kerugian di pihak yang tidak bersalah.

Terangkan **lima (5)** remedi yang boleh dituntut oleh pihak yang terkilan di dalam undang-undang kontrak.

(10 Markah)

SOALAN 6

Kontrak ejensi boleh ditamatkan sama ada secara perbuatan pihak-pihak yang terlibat atau melalui kuat kuasa undang-undang.

Terangkan penamatan ejensi melalui pembatalan kuasa oleh prinsipal dan penamatan ejensi melalui kuat kuasa undang-undang.

(10 markah)

SOALAN 7

Seksyen 27 Akta Jualan Barang 1967 menyatakan beberapa pengecualian di mana, di dalam keadaan tertentu, walaupun penjual bukan pemilik sebenar barangan, pembeli masih boleh mendapat hak milik yang sempurna ke atas barangan yang dibeli.

Jelaskan syarat-syarat jualan oleh wakil perdagangan dan pelaksanaan jualan barangan yang masih dalam pegangan penjual.

(10 markah)

[70 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT